

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 MEI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

## Ekonomi Malaysia bermula mantap, diunjur terus meningkat

### Ekonomi Malaysia bermula mantap, diunjur terus meningkat

**Ekonomi Malaysia bermula dengan mantap pada 2024 dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjur terus meningkat pada suku akan datang, demikian menurut BIMB Securities Research.**

Firma penyelidikan pasaran itu menerusi satu *Laporan Kemas Kini Ekonomi Bulanan* berkata, pertumbuhan ekonomi negara akan disokong oleh pelaburan infrastruktur sektor awam, pemulihian eksport produk elektrik dan elektronik (E&E), jumlah ketibaan pelancong lebih tinggi, daya tahan permintaan domestik yang didorong oleh pelaburan lebih kukuh, selain kesan asas lebih rendah.

"Bagaimanapun, Malaysia

akan perlu berdepan potensi impak inflasi daripada pengurangan subsidi bahan api, selain ketidaktentuan global yang menyelubungi ketegangan di Asia Barat.

"Walaupun hasil perdagangan dan pelancongan Malaysia secara relatifnya mempunyai pendedahan yang rendah terhadap ekonomi Asia Barat, pertumbuhan KDNK dan perdagangan global lebih perlahan boleh menjelaskan pendapatan pelaburan dan pendapatan luaran negara," katanya.

Anggaran awal oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan KDNK Malaysia berkembang sebanyak 3.9 peratus pada suku pertama 2024,

lebih baik berbanding 3 peratus pada suku keempat 2023.

Semua sektor utama mencatatkan pertumbuhan positif dalam suku berkenaan, diteraju kenaikan sebanyak 4.4 peratus dalam sektor perkhidmatan yang mencerminkan permintaan domistik yang mantap.

Sementara itu, data perdagangan terkini menunjukkan eksport Malaysia meningkat sebanyak 2.2 peratus pada suku pertama 2023, berbanding penurunan sebanyak 6.9 peratus pada suku keempat 2023, selepas merokodkan penguncutan selama tiga suku berturut-turut.

Perkembangan itu menunjukkan bahawa kelembapan daripada jumlah bersih perdagangan

terhadap pertumbuhan keseluruhan mulai reda.

Mengenai prestasi mata wang tempatan, BIMB Securities Research berkata, trend semasa ringgit adalah disebabkan faktor luaran, termasuk ketegangan geopolitik di Asia Barat, selain naratif Kadar Dana Persekutuan (FFR) lebih tinggi dan lama oleh Rizab Persekutuan (Fed).

Terkini, katanya, bank pusat Amerika Syarikat (AS) itu mengekalkan FFR tidak berubah enam kali berturut-turut pada mesyuarat bulan ini, berikutan tekanan berterusan inflasi dan pasaran pekerjaan yang sempit.

"Ini boleh mendorong aliran keluar modal dari negara sedang

pesat membangun, termasuk Malaysia kepada AS memandangkan pulangannya adalah jauh lebih tinggi," katanya.

Bagaimanapun, ia berkata, tinjauan bagi ringgit tidak mencerminkan asas sedia ada dalam ekonomi Malaysia yang dijanjika berkembang sebanyak 3.9 peratus pada suku pertama tahun ini.

"Pada masa sama, BNM (Bank Negara Malaysia) menerangkan komitmennya untuk menstabilkan mata wang tempatan dan bersedia untuk menggunakan alatan yang ada untuk memastikan pasaran kewangan Malaysia kekal teratur dan terus berfungsi dengan baik," katanya.